

TEORI PEMBANGUNAN HATI MENURUT AL-SYAYKH IBN ‘ATA’ ALLAH AL-SAKANDARIY

Ahmad A‘toa’ Mokhtar, Zikmal Fuad

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ahmadatoa@kuis.edu.my

Che Zarrina Sa`ari

Universiti Malaya

Zulkefli Aini

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Pembentukan pembangunan insan dalam sesebuah tamadun yang gemilang adalah disebabkan oleh faktor keupayaan mengaplikasikan peranan hati dalam kehidupan. Oleh itu, sumber nilai keupayaan tersebut ada dinyatakan di dalam al-Quran dan Hadis dan juga dijelaskan oleh para ulama. Antara tokoh ulama dalam bidang pembangunan hati ini ialah Al-Syaykh Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandariy (w709H). Tokoh kelahiran Mesir ini pada awalnya menentang golongan sufi, ilmu dan amalan mereka, namun akibat perkenalan serta subab dengan gurunya iaitu al-Syaykh al-Mursiy telah menyebabkannya beliau mencebur ke bidang kerohanian sehingga beliau dapat menghasilkan banyak buku yang membahaskan tentang ilmu pembangunan hati insan sehingga beliau diberi penghormatan dengan pelbagai gelaran oleh para ulama sezaman dan kemudiannya. Artikel ini akan membahaskan hasil tinjauan ringkas berkenaan dengan latar belakang Al-Syaykh Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandariy dan ketokohnannya dalam bidang kerohanian yang menyentuh aspek pembangunan hati. Hasil kajian ini dapat menyumbang satu pendekatan baru dalam penambahbaikan modul pembangunan insan yang berdasarkan teori pembangunan hati menurut Al-Syaykh Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandariy.

Kata kunci: Pembangunan Hati, Kerohanian, Al-Syaykh Ibn ‘Ata’ Allah Al-Sakandariy

1. PENDAHULUAN

Al-Syaykh Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandariy adalah salah seorang dari kalangan para ulama yang pakar dalam bidang kerohanian. Kenyataan ini berdasarkan penelitian terhadap sejarah latar belakang serta sumbangan beliau terhadap beberapa karyanya dalam bidang kerohanian. Selain itu juga ketokohnannya jelas menunjukkan beliau adalah seorang guru yang berwibawa hasil didikannya sehingga beliau dapat melahirkan ramai murid bertaraf ulama yang dihormati dalam masyarakat. Justeru sehingga kini sebilangan besar penulisannya dijadikan sebagai rujukan utama oleh para ulama dalam membentuk pribadi insan kamil. Karamah peninggalan warisan ilmunya kekal sekalipun beliau telah meninggal dunia kini hampir mencecah 900 tahun. Jika dilihat dan dinilai sebahagian besar karya penulisan Al-Syaykh Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandariy banyak menjurus dalam bidang kerohanian, ketokohan beliau dalam bidang ini jelas tergambar melalui ucapan kesaksian sebilangan ulama terhadap keilmuannya serta gelaran yang diperolehinya seperti *Imam al-Muhaqqiq al-‘Arif al-Waliyy al-Rabbaniy* atau *al-‘Arif al-Muhaqqiq al-Kamil*. Maka selayaknya ketokohan al-Syaykh Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandariy dalam bidang tarbiyah ruhiyyah dinilai oleh para ulama sezaman dan setelahnya. Justeru, permasalahan kerohanian perlu merujuk kepada ahli dalam bidangnya, supaya penerangannya jelas dan betul dari sudut disiplin keilmuan.

Ketokohan al-Syaykh Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandariy dalam bidang kerohanian sangat terserlah dan boleh dilihat dari aspek kemampuannya dalam melahirkan ramai tokoh-tokoh

ulama (murid) yang mewarisi ilmunya, karya-karyanya dan juga dari aspek kepimpinan beliau dalam memimpin Tarekat Syadhiliyyah pada ketika itu. Kesemua itu membuktikan bahawa al-Syaykh Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandariy adalah salah seorang tokoh ulama dalam bidang kerohanian yang berwibawa.

Oleh itu, di atas kepentingan tersebut, kajian yang bersifat percubaan dalam penerokaan ini berhasrat meneliti teori pembangunan hati yang terdapat dalam beberapa karya karangan Al-Syaykh Ibn ‘Ata’ Allah Al-Sakandariy. Penerokaan telah dibuat terhadap beberapa kajian ilmiah yang lepas mengenai beliau dan juga penelitian terhadap beberapa karyanya, termasuk karya yang telah diterjemah dan disyarahkan. Penulis mendapati kajian tentang teori pembangunan hati kurang diketengahkan dalam bentuk kajian secara ilmiah. Kebanyakan kajian menjurus kepada ketokohan dan sumbangan beliau sahaja tanpa difokuskan kajian berhubung pembangunan hati. Justeru itu, objektif kajian ini tidak akan tercapai melainkan dengan meneliti serta mengenal pasti terhadap isi kandungan karya Al-Syaykh Ibn ‘Ata’ Allah Al-Sakandariy berhubung soal hati. Penulis sedari terdapat banyak perkara lagi yang perlu dikaji dan diteliti, oleh itu penulis merasakan kajian berhubung teori pembangunan hati ini sebagai suatu permulaan untuk diketengahkan di atas sebab keperluan terhadap satu landasan membina kaedah pembangunan hati yang jelas dan praktikal. Justeru, kajian ini difikirkan sangat perlu dilakukan agar permasalahan hati serta pembangunannya dapat ditempatkan di atas kedudukan topik yang utama bagi segenap bidang medan perbincangan.

2. LATAR BELAKANG KEHIDUPAN AL-SYAYKH IBN ‘ATA’ ALLAH

Sejarah kehidupan al-Syaykh Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandariy sangat berkait rapat dengan sejarah gerakan pemikiran dan sejarah tasawuf di Mesir pada kurun keenam dan ketujuh Hijrah di mana beliau dianggap sebagai contoh keperibadian unggul di kalangan ahli sufi kerana telah menggabungkan ilmu-ilmu zahir dan ilmu hakikat dan mencapai kecemerlangan dalam kedua-dua bidang itu (Ibn ‘Ajibah, *t.th.Iqaz al-Himam*). Beliau dilahirkan pada sekitar tahun 658H (al-Taftazaniy.1969.16-18). Beliau meninggal dunia pada tahun 709H. (*al-Tabaqat al-Kubra*, j.2:19). Ibn ‘Ajibah ada menyebutkan beliau berasal daripada keturunan Arab puak al-Judhamiy. (Ibn ‘Ajibah, *Iqaz al-Himam*: 23).

Nama lengkap beliau iaitu Abu al-Fadl Ahmad ibn Muhammad ibn ‘Abd al-Karim ibn ‘Abd al-Rahman ibn ‘Abd Allah ibn Ahmad ibn ‘Isa ibn al-Husayn ibn ‘Ata’ Allah. Gelaran beliau ialah *Taj al-Din* dan kunyah beliau pula ialah *Abu al-Fadl* atau *Abu al-‘Abbas*. Nama beliau turut dinisbahkan sebagai *al-Sakandariy* atau *al-Iskandariy* adalah kerana beliau dilahirkan di bandar Iskandariah, Mesir. (Ibn ‘Ajibah, *Iqaz al-Himam*: 23)

Keluarga beliau adalah keluarga ilmuan dalam bidang agama berdasarkan kepada kenyataan bahawa datuk beliau adalah seorang faqih yang masyhur pada zamannya (Al-Taftazaniy.1969:13) Bapa beliau hidup sezaman dengan al-Syaykh Abu al-Hasan al-Syadhiliyy (w.656H) iaitu pengasas tarekat *al-Syadhiliyyah*.(Al-Sakandariy.*Lata’if al-Minan*.1992:111). Nama beliau tersohor dan dikenali sebagai seorang ulama dari kalangan ulama agung dalam bidang syariat dan hakikat yang membebaskan manusia daripada kekangan hawa nafsu dan meningkat tinggi ke hadrat Allah. Beliau pernah mengajar di Universiti al-Azhar sehingga melahirkan ulama masyhur seperti al-Imam Taqiyuddin al-Subkiy (w.756H) dan al-Imam al-Qurafiyy. (Al-Butiy, *al-Hikam al-‘Ata’iyyah:Syarh wa Tahlil*.2001)

Pengajaran dan asuhan beliau telah mendapat sambutan dari semua lapisan masyarakat Mesir, khasnya di Kota Kaherah. Beberapa tokoh terkenal merekodkan bagaimana keadaan dan suasana sambutan orang ramai terhadap pengajaran dan asuhan beliau itu. Antaranya ialah Ibn Hajar al-'Asqalaniy menyebutkan: "*Ibn 'Ata'illah al-Sakandari itu bersyarah dengan kata-kata yang melunakkan hati, di atas sebuah kerusi, di Universiti al-Azhar. Beliau menyulamkan ajaran ahli tasawuf dengan ajaran angkatan salaf dan kehalusan ilmu Islam, maka ramailah para pengikutnya*". (Ibn Hajar al-'Asqallaniy.1329H:374).

Al-Syaykh Ibn 'Ata' Allah al-Sakandariy berperanan penting dalam meneruskan kesinambungan pengajaran dan penyebaran, asuhan dan didikan Islam khasnya dalam ilmu dan amalan tasawuf Tariqah al-Syadhiliyyah. Malahan menurut cacatan Dr. al-Taftazaniy beliau sebenarnya berperanan penting mempopularkan gerakan tariqah-tariqah pada zamannya. Berperanan mengajak orang ramai mengikuti Tariqah al-Syadhiliyyah selepas ketiadaan syeikhnya. Malahan lebih jauh dari itu Dr. Al-Taftazaniy berpendapat bahawa Ibn 'Ata'illah al-Sakandari adalah sebagai contoh yang ulung dalam bidang tasawuf di Negara Mesir di akhir kurun ketujuh Hijrah dan pemimpin yang penting dalam pembentukan tariqat dan tasawuf aliran Syadhiliyyah. Dengan ketokohan tersebut beliau dapat mempertahankan dan menangkis tohmahan yang ditujukan oleh golongan yang mempertikaikan ajaran tasawuf ke atas pengamal tariqat tasawuf khasnya Tariqat al-Syadhiliyyah. (Al-Taftazaniy.1969)

Beliau berguru dengan gurunya al-Mursiy ketika beliau berusia 16 tahun. (al-Taftazaniy. 1969,16-18). Beliau telah menyempurnakan amanah kepimpinan tarekat al-Syadhiliyyah selama 23 tahun sehingga kewafatannya pada tahun 709H dan kepimpinan itu telah berpindah pula kepada salah seorang daripada muridnya iaitu al-Imam al-Muhaddith al-Mufassir Abu al-'Abbas Syihab al-Din Ahmad ibn al-Milaq al-Sakandariy. (Khalaf Allah, *al-Hikam li Ibni 'Ata' Allah al-Sakandariy*,t.th,)

3. PENGIKTIRAFAN PARA ULAMA TERHADAP KETOKOHANNYA

- i. Ulama yang hidup sezaman dengan al-Syaykh Ibn 'Ata' Allah al-Sakandariy bersepakat mengakui ketokohan beliau dalam setiap bidang ilmu yang beliau mengajar khususnya ilmu tafsir, hadith, fiqh, usul, bahasa dan ilmu pendidikan (tarbiyah). (Khalaf Allah, *al-Hikam li Ibni 'Ata' Allah al-Sakandariy*,t.th,) Dalam ungkapan yang biasa digunakan, beliau mempunyai kehebatan dalam dua bidang ilmu zahir dan batin, iaitu ilmu syariat dan ilmu tasawuf. Ulama fiqh pada zamannya telah cuba menonjolkan beliau sebagai tokoh utama dalam bidang fiqh pada zaman itu, sementara gurunya al-Mursiy pula mahu menonjolkannya sebagai tokoh utama untuk bidang tasawuf. (Al-Sakandariy, *Lata'if al-Minan* 1992).
- ii. Al-Syaykh Abu Abbas al-Mursiy pernah berkata kepada al-Syaykh Ibn 'Ata' Allah al-Sakandariy: "Beriltizamlah engkau, kerana demi Allah, jika engkau iltizam, nescaya engkau akan menjadi mufti dalam dua mazhab. Beliau bermaksud mazhab ahli syari'at, ahli ilmu zahir dan mazhab ahli hakikat ahli ilmu batin". (Al-Sakandariy, *Lata'if al-Minan*.1992).
- iii. Ketokohan beliau dalam fiqh telah menyebabkan al-Faqih Nasir al-Din ibn al-Munir yang menerajui Madrasah al-Malikiyyah di Mesir ketika itu mengutamakannya berbanding murid-muridnya yang lain untuk mengajar fiqh sedangkan ketika itu beliau masih muda. (Al-Taftazaniy.1969). Sebab itulah Ibn Farhun memasukkan al-

Syaykh Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandariy dalam senarai ulama fiqh mazhab Malikiy dan menulis biodatanya dalam kitab tabaqat ulama Malikiyyah yang berjudul *al-Dibaj al-Mudhahhab Fi Ma‘rifat A‘yan ‘Ulama’ al-Madhhab* (Ibn Farhun.1329H). Ketokohan beliau dalam fiqh mazhab Malikiy telah menyebabkan beliau mendapat perhatian masyarakat dan kemudiannya tokoh-tokoh ulama di Iskandariah cuba membandingkannya dengan datuknya yang terkenal sebagai seorang faqih (Victor Dancer, *Mistikisme Ibnu ‘Atha’illah: Wacana Sufistik Kajian Kitab al-Hikam*.19).

- iv. Walaupun beliau handal dalam bidang syariat, namun tidak kurang handal beliau dalam bidang pendidikan rohani (tarbiyah ruhiyyah), ini adalah satu bidang yang menonjol dalam diri beliau, terutamanya fasa setelah beliau berguru dengan al-Syaykh Abu al-‘Abbas al-Mursiy (w686H). Beliau telah dikurniakan *al-hikmah* dan kemampuan untuk membangunkannya hingga ke suatu peringkat di mana ia tidak mampu dicapai dengan mudah oleh orang lain yang cuba menandinginya. Ini adalah kerana *al-hikmah* adalah suatu *mawhibah* yang tidak boleh dipelajari. Hal ini dibuktikan oleh ungkapan-ungkapan beliau dalam tafsir dan hadith, di mana beliau mampu mencecah sesuatu yang tidak mampu dicapai oleh orang lain secara mengulangkaji, ditambah pula dengan kehebatan lafadz dan keindahan ungkapan serta gaya bahasa yang mudah dan menyeronokkan. (Khalaf Allah, *al-Hikam li Ibni ‘Ata’ Allah al-Sakandariy*,t.th.).
- v. Ketokohan al-Syaykh Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandariy diakui oleh para ulama sezaman dengannya dan ulama yang datang selepasnya, khususnya ilmu tafsir, hadith, fiqh, usul, bahasa dan ilmu pendidikan (tarbiyah). (Khalaf Allah,t.th,) Sebagai contoh, Ibn Farhun (w799H) menyifatkan al-Syaykh Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandariy sebagai seorang tokoh ilmuan yang menguasai pelbagai jenis ilmu seperti tafsir, hadith, nahw, usul, fiqh, dan sebagainya. Ketokohnanya dalam bidang ilmu telah dapat memanfaatkan ramai warga ilmu dan masyarakat di samping ramai pula yang mengikut jejak langkahnya dalam suluk tarekat. Beliau adalah lambang keajaiban pada zamannya dalam aspek perbicaraan dalam bidang tasawuf dan beliau mempunyai karya yang bagus dalam bidang *al-wa‘z* (*al-hikmah*). (Ibn Farhun.1329H).
- vi. Ibn ‘Abbad (723H-792H) pula menyifatkannya sebagai al-Imam al-Muhaqqiq al-‘Arif al-Waliyy al-Rabbaniy. (Ibn ‘Abbad, *Ghayth al-Mawahib al-‘Aliyyah Bi Syarh al-Hikam al-‘Ata’iyyah*).
- vii. Al-Syaykh Ahmad Zarruq (846H-899H) pula menyifatkan al-Syaykh Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandariy sebagai *al-Syaykh al-Imam al-‘Alim al-‘Amil al-‘Arif al-Muhaqqiq al-Kamil*.(Zarruq, *Syarah al-Hikam*,1405H:30).
- viii. Al-Syaykh Nur al-Din al-Barifkaniy (1207-1268H) memujinya sebagai al-Imam al-Muhaqqiq al-‘Arif bi Allah Ta‘ala Syaykh al-Masyayikh, wa Sadr al-Majalis, wa Bahr al-Ma‘rif, Imam al-Siddiqin, Qudwat al-‘Arifin wa Burhan al-Muhaqqiqin.(Al-Barifkani,*Talkhis al-Hikam*.1986:117).
- ix. Al-Imam al-Suyuti juga ada memuji ketokohan al-Syaykh Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandariy sebagai seorang tokoh ilmuan yang hebat. (Al-Suyuti, *Bughyat al-Wu‘ah Fi Tabaqat al-Lughawiyyin wa al-Nuhat*,1327H:6).

Jika di teliti kata-kata sanjungan ulama terhadap ketokohan al-Syaykh Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandariy, ternyata bahawa mereka lebih menumpukan sanjungan terhadap ketokohan beliau dalam bidang kerohanian (tasawuf) yang menjadi bidang yang mengharumkan namanya ke seluruh pelosok dunia. Ini jelas dapat dikenalpasti berdasarkan gelaran-gelaran

seperti *al-Imam al-Muhaqqiq al-'Arif al-Waliyy al-Rabbaniy* atau *al-'Arif al-Muhaqqiq al-Kamil*.

4. SUHBAH PERGURUAN DAN MURID

Al-Saykh Ibn 'Ata' Allah al-Sakandariy telah melalui suatu proses pembelajaran yang panjang menerusi manhaj pengajian secara bertalaqqi dan berguru. (Khalaf Allah, *Aqwa Dustur Tarbawiy Fi al-Qarn al-Sabi' al-Hijriy*.T.t:44). Sistem atau manhaj ini adalah suatu manhaj yang sudah menjadi kelaziman dalam sistem pembelajaran pada zaman tersebut yang mementingkan kualiti ilmu. Beliau telah berguru dengan sebilangan besar guru-guru yang masyhur pada zamannya dalam pelbagai bidang. (Al-Taftazaniy.1969:20-24). Antara suhbah perguruan beliau ialah:

- i. Al-Saykh Abu al-'Abbas al-Mursiy (w686H) adalah murid kepada al-Saykh Abu al-Hasan al-Syadhiliy (w.656H) iaitu pengasas tarekat al-Syadhiliyah. al-Saykh Ibn 'Ata' Allah al-Sakandariy berguru dengan al-Saykh Abu al-'Abbas al-Mursiy selama 12 tahun. (Lata'if al-Minan: 147).
- ii. Al-Faqih Nasir al-Din Ibn al-Munir al-Jarawiy al-Judhamiy al-Iskandariy (w.683H). Izz al-Din Ibn 'Abd al-Salam (660H) menyifatkannya sebagai salah seorang daripada dua orang tokoh ulama kebanggaan Mesir iaitu Ibn al-Munir dan Ibn Daqiq al-'Id.
- iii. Al-Saykh al-Abarquhiy, iaitu al-Saykh Syihab al-Din Abu al-Ma'aliy Ahmad ibn Ishaq ibn Muhammad ibn al-Mu'ayyad (w.701H). Seorang tokoh ulama besar Mesir.
- iv. Al-Saykh al-Muhyi al-Mazuniy. Al-Imam al-Suyutiyy telah menyebutnya Al-Mazuniy dan Ibn al-Nahhas (w.698H) adalah dua orang tokoh ilmu Nahu yang telah digelar sebagai *Sayikh al-Diyar al-Misriyyah* pada zaman mereka.
- v. Al-Saykh al-Imam al-Hafidh Syaraf al-Din Abu Muhammad 'Abd al-Mu'min ibn Khalaf ibn Abial-Hasan al-Dimiyatiy (613H-705H). al-Imam al-Suyutiyy sebagai seorang imam yang sangat 'alim, hafidh, hujjah dan faqih dan beliau terkenal sebagai Sayikh al-Muhaddithin.
- vi. Al-Saykh Muhammad ibn Mahmud ibn Muhammad ibn 'Abbad yang masyhur dengan gelaran Syams al-Din al-Asbahaniy. al-Imam al-Subkiy menyifatkannya sebagai seorang imam dalam ilmu mantiq, ilmu Kalam, *usul* dan *jadal*.

Ketokohan beliau dalam bidang *Tarbiyah al-Ruhiiyyah* telah berjaya melahirkan ramai tokoh-tokoh tasawuf yang hebat, berkat hasil kesungguhan dan penat lelah Al-Saykh Ibn 'Ata'illah al-Sakandari, dalam usaha mendidik dan mengasuh murid-muridnya selama kira-kira 24 tahun di Kota Kaherah, maka lahirlah beberapa orang muridnya yang terkenal dalam usaha menyambung dan menyebar, mendidik dan mengasuh orang ramai dalam ilmu dan amalan Tariqah al-Syadhiliyyah. Antara murid-murid beliau yang menjadi tokoh ulama selepas beliau ialah: (Khalaf Allah, *Aqwa Dustur Tarbawiy Fi al-Qarn al-Sabi' al-Hijriy*.T.t)

- i. Al-Saykh Syaraf al-Din Abu Sulayman Dawud al-Bakhiliy al-Iskandariy yang merupakan tuan guru kepada datuk kepada keluarga al-Sadat al-Wafa'iyyah di Mesir, iaitu al-Sayyid Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad Wafa al-Syadhiliyy (702H-765H).
- ii. Al-Imam al-Muhaddith al-Mufassir Abu al-'Abbas Syihab al-Din Ahmad ibn al-Milaq al-Sakandariy yang merupakan tokoh yang mengambil alih tugas kepimpinan tarekat al-Syadhiliyyah selepas kewafatan al-Saykh Ibn 'Ata' Allah al-Sakandariy.
- iii. Al-Imam Taj al-Din Muhammad al-Nakhkhal, saudara kandung al-Saykh Ibn 'Ata' Allah al-Sakandariy.

- iv. Al-Imam al-Hafidh al-Mufassir al-Faqih al-Usuliy al-Mu'arrikh Abu al-Hasan Taqiy al-Din 'Aliy ibn 'Abd al-Kafi al-Subkiy al-Ansariy al-Khazrajiy (683H-756H).
- v. Syeikh Taqiy al-Din al-Subkiy (w.756H), ayah kepada Taj al-Din al-Subkiy, pengarang kitab Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra (w.771H).
- vi. Syeikh Daud Ibn 'Umar Ibn Ibrahim al-Syadhiliy terkenal dengan gelaran Ibn Bakhula, pengarang kitab al-Lata'if al-Mardiyyah.
- vii. Syeikh Abu al-Abbas Ahmad Ibn Milaq al-Iskandari al-Usuliy (w.749H).

5. KONSEP PEMBANGUNAN HATI

Dewasa ini istilah pembangunan insan lebih dikenali daripada istilah pembangunan hati, mungkin kerana penggunaannya kurang digunakan dan diutamakan, bahkan topik pembangunan hati hanyalah difahami secara umum dalam ilmu kerohanian, sedangkan dalam konteks disiplin pembangunan insan, pengurusan hati adalah merupakan satu asas utama yang penting daripada berbagai asas ilmu pembangunan insan. Tanpanya seseorang muslim itu tidak akan menjadi hamba Allah yang sebenar-benarnya dan tidak mungkin mencapai kesempurnaan tuntutan penyucian jiwa dan pengabdian diri kepada Allah s.w.t.

Mengikut Kamus Dewan dan Bahasa hati dimaksudkan sebagai kalbu, jantung dan batin iaitu tempat perasaan (Kamus Dewan Bahsa dan Pustaka. 2005). Hati atau disebut *al-Qalb* dalam Bahasa Arab merupakan salah satu istilah berasal dari bahasa Arab yang sudah dipinjam oleh bahasa Malaysia dan dieja menjadi kalbu yakni hati nurani. Dari sudut makna sintifiknya adalah: membalik (yang berada di atas menjadi di bawah; yang di kanan menjadi di kiri; yang nyata menjadi tidak nyata); berpaling; berubah; marah; inti, esensi dan jantung (Anis, II, 1970: 753 dan Wehr, 1980: 784).

Imam al-Ghazali juga menyebutkan bahawa *qalb* atau hati itu bukan semata-mata organ jantung namun ia merupakan sifat yang terkandung di dalam diri manusia yang dapat membuat dan mempertimbangkan keputusan baik atau buruk (Al-Ghazali.1988. *Ihya' 'Ulum Al-Din*). Maka, keputusan yang diambil oleh qalbu ini berimplikasi dosa dan pahala (Mubarok Ahmad. 2001. *Psikologi Qurani*). Hati memang menjadi salah satu ukuran kualiti manusia. Kerana itu, kita sering mendengar ungkapan: berhati emas, berhati iblis, berhati mulia. Sifat-sifat manusia, yang baik mahupun yang buruk, juga sering dilukiskan dengan menggunakan perkataan hati, seperti: iri hati, panas hati, gelap hati, besar hati, kelembutan hati, jatuh hati, kecil hati, dan sebagainya. Hati merupakan salah satu kurnian Allah s.w.t. yang sifat dan fungsinya sangat luar biasa dalam kehidupan manusia, kebanyakan kita mengungkapkan *Qalb* sebagai hati, sehingga kita menemui ungkapan: "*Dalamnya laut dapat diduga; dalamnya hati siapa tahu*" dan "*Hatiku tidak dapat dibohongi.*"

Dalam al-Quran Allah s.w.t menyebutkan perkataan "qalbu" dalam 53 ayat dan perkataan "qulub" dalam 104 ayat. Dalam al-Quran *Qalb* disebut sebagai alat untuk memahami realiti dan nilai-nilai dalaman seseorang insan. (Surah al-Hajj. 46). Menurut Ibnu Kathir, lafaz *qalb* adalah hati yang dapat memberikan kesedaran (Ibnu Kathir. 2007. *Tafsir al-Quran al-Azim*). Firman Allah s.w.t dalam surah al-Qaf ayat 37:

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرًا لِمَنْ كَانَ لَهُ قَلْبٌ أَوْ أَلْفَى السَّمْعَ وَهُوَ شَهِيدٌ

Maksudnya; "Sesungguhnya (keterangan-keterangan dan peristiwa-peristiwa) yang tersebut itu, tidak syak lagi mengandungi pengajaran bagi sesiapa yang mempunyai hati (yang sedar pada masa membacanya), atau yang menggunakan pendengarannya dengan

bersungguh-sungguh (kepada pengajaran itu) dengan menumpukan hati dan fikiran kepada Nya.”

Berdasarkan kajian barat tentang “*the intelligence of the heart*”, hati (*heart*) mempunyai daya berfikir dan memahami, ramai saintis menegaskan bahawa hati boleh mengawal seluruh badan dan tidak terbatas kepada otak sahaja. Ramai saintis percaya bahawa hati memimpin otak dan setiap sel hati (*heart*) memiliki memori/ingatan. Dr. Schwartz berkata bahawa sejarah kita tertulis di dalam setiap sel tubuh kita. Ramai saintis yakin bahawa sel-sel hati (*heart*) juga menyimpan maklumat. Hati (*heart*) memiliki peranan penting dalam pemahaman lingkungan sekitar, ia juga dapat mempengaruhi aktiviti listrik Otak (Schwartz GER, Russek, 1999)

Berdasarkan keterangan di atas, Nabi s.a.w telah menjelaskan fungsi hati (*heart*) ini lebih 1400 tahun lamanya, dengan sabda Baginda s.a.w dalam hadis riwayat Bukhari :

أَلَا وَإِنْ فِي الْجَسْدِ مِضْغَةٌ إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسْدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسْدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ.

Maksudnya ; “*Ketahuilah, sesungguhnya dalam jasad terdapat "segumpal daging", apabila dia baik maka jasad tersebut akan menjadi baik, dan sebaliknya apabila dia buruk maka jasad tersebut akan menjadi buruk pada keseluruhannya, Ketahuilah segumpal daging tersebut adalah "al-Qalb" iaitu hati ”.*

Hadis ini menjelaskan jika sekiranya hal keadaan hati seseorang itu berada dalam keadaan baik maka akan lahir sifat perbuatan tubuh badan akan melaksanakan perkara yang baik, sebaliknya, jika hal keadaan hati berada dalam keadaan tidak baik, maka seluruh badan akan turut bertindak terhadap perkara yang tidak baik. Hati hanya menampung hal-hal yang disedari, dan keputusan yang diambil oleh qalb memberi kesan samada pahala dan dosa (Mubarok, 2001: 6).

Dalam ilmu tasawwuf hati atau *al-Qalb* dikenali juga dengan berbagai istilah. Antaranya ialah *al-Sadr*, *al-Fuad*, *al-Syaghaf*, *al-Lub*, *al-Sir*. Semuanya itu adalah merupakan *Nur Latifah Robbaniyah* (cahaya yang *ma'naviyah* yang sangat seni (rahsia) yang dibangsaikan kepada urusan ketuhanan Allah). Bagaimanapun istilah- istilah yang tersebut adalah menunjukkan berbagai lapisan atau tingkat hati dari tingkat yang paling rendah hingga ke tingkat yang setinggi-tingginya atau dari lapisan yang di luar hingga ke lapisan yang paling dalam atau paling rahsia. Setengah ahli tasawwuf meringkaskan berbagai lapisan tingkat hati tersebut kepada empat istilah. Tujuannya adalah untuk memudahkan kita memahami konsep dan fungsinya masing-masing;

- i. *Al-'Aqlu*, fungsinya *lilma`qulat* (untuk menerima perkara-perkara yang boleh diterima/munasabah bagi akal).
- ii. *Al-Qalbu*, fungsinya *lilmahfumat* (untuk memahami perkara-perkara yang diterima dan juga yang ditolak oleh akal).
- iii. *Al-Ruh*, fungsinya *lilmusyahadah* (untuk musyahadah terhadap hakikat, misalnya hakikat sifat-sifat Allah atau ayat-ayat Allah yang tersirat dalam kejadian Allah di alam *malakut* secara *wahbiyyah* (*ilmu yang dikurnia tanpa usaha*)).
- iv. *Al-Sir*, fungsinya *littajaliyat* (untuk menerima *tajalli* berbagai rahsia sifat-sifat Allah dan tersimpan di dalamnya - Untuk menjadi khazanah yang menyimpan berbagai ilmu, kefahaman, hakikat dan *ma'rifah*).

Menurut pandangan Imam Al-Ghazali hati dengan semua tingkat atau lapisannya seperti yang diistilah di atas dikenali juga sebagai "al-Nafs al-Natiqah" atau "al-Nafs al-Jauhariyah" atau "al-Nafs al-Haiwaniyah" yang hanya Allah jadikan dalam kejadian manusia, tidak dalam kejadian binatang (Al-Ghazali.1988. *Ihya' 'Ulum Al-Din*). Al-Nafs yang bermakna hati tersebutlah yang menerima taklif atau beban suruhan dan larangan Allah s.w.t, kerana ianya berdaya memahami suruhan dan larangan Allah s.w.t malahan boleh melihat hakikat kebenarannya jika ianya bersih dari berbagai unsur yang mengotorkannya. Allah s.w.t berfirman dalam surah al-Syams pada ayat 7-8:

وَنَفْسٌ وَمَا سَوَّا هَا . فَالْأَئِمَّةُ مَهَا فُجُورَ هَا وَتَنْقُوا هَا .

Maksudnya; "Dan demi nafs serta penyempurnaan ciptaannya, maka Allah mengilhamkan kepadanya (qalb itu) jalan jahat (untuk dijauhkan) dan jalan baiknya (untuk dilakukan)".

Al-Qalb atau "al-Nafs al-Natiqah" atau "al-Nafs al-Jauhariyah" inilah yang menjadi saluran atau jalan baik bagi manusia. Manakala "al-Nafs al-Haiwaniyah" itu pula yang menjadi saluran jahat atau buruk. Allah s.w.t berfirman dalam surah al-Insan ayat 3:

إِنَّا هَدَيْنَاهُ السَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كُفُورًا

Maksudnya: "Sesungguhnya Kami hidayatkan manusia itu jalan (kehidupannya) sama ada ia bersyukur (menjadi baik) atau kufur (menjadi jahat)".

Manakala istilah pembangunan pula mempunyai makna yang pelbagai, ia boleh diibaratkan sebagai satu ungkapan yang universal, bukan hanya merujuk kepada pembangunan terhadap binaan meterial bangunan-bangunan sahaja, ia juga membawa maksud pembangunan dari segi sosial, ekonomi dan juga politik. Namun pengertian pembangunan sering dibincangkan seiring dengan topik kemajuan dan tamadun secara umum. Sebagaimana yang disebut oleh Abu Bakar Hamzah (1972) mengatakan tamadun lahir secara serentak, seiring dan sejalan dengan perkembangan kehidupan manusia dari semasa ke semasa dalam bentuk pemikiran dan kebendaan. Adapun istilah Tamadun bererti kemajuan, dalam bahasa Arabnya disebut sebagai *tamaddun*, manakala bahasa Inggerisnya ialah *civilization*. Menurut Kamus Dewan dalam konteks bahasa Melayunya bererti kebudayaan, peradaban, kemajuan, sopan santun dan sebagainya.(Dewan Bahasa dan Pustaka:1169). Selain perkataan tamadun, ada juga di kalangan para sarjana Islam Malaysia menggunakan perkataan peradaban bagi menggambarkan istilah tamadun. Ini dapat dilihat daripada perbincangan yang dibuat oleh Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady (1976) dan juga Ismail Hamid (1983) yang berpendapat bahawa peradaban ialah pencapaian manusia dalam kedua-dua bidang iaitu kerohanian dan kebendaan. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa tamadun dalam bahasa Melayu mengandungi makna iaitu "*Pencapaian insan dalam segenap aspek kehidupan sama ada dari aspek pemikiran, kerohanian atau kebendaan*" (Mustafa Haji Daud. 1998.Tamadun Islam).

Banyak usaha telah dilakukan oleh ahli sains sosial dan ahli ekonomi dalam usaha untuk menerangkan konsep pembangunan, mereka cuba mendapatkan satu definisi pembangunan yang tepat, namun tiada penemuan terhadap makna yang khusus dapat menerangkan maksud pembangunan yang sebenar. Ahli falsafah Todaro (1977) berpendapat bahawa pembangunan melibatkan proses menyusun dan mengorientasi semula sistem ekonomi dan sosial. Ini bermakna bahawa pembangunan bukan sahaja melibatkan pertambahan kepada pendapatan dan pengeluaran, bahkan juga mengambil kira perubahan institusi sosial, struktur pentadbiran, pendapat umum, adat resam dan kepercayaan (Rahimah Aziz.1989:3). Menurut Laporan Suruhanjaya Selatan (1990), pembangunan boleh didefinisikan sebagai satu proses

yang mana membolehkan kehidupan manusia merealisasikan potensi, membina keyakinan serta membawa kehidupan ke arah kemuliaan dan penuh bermakna yang membebaskan manusia dari rasa takut untuk meminta dan dieksplotasi. Ia merupakan pergerakan yang menjauhkan dari penindasan politik, ekonomi dan juga sosial. (Zaheruddin & Yusof Pon, 2005: 2)

Adapun asas pembangunan dari aspek kerohanian insan dikenali sebagai pembangunan hati yang mana hati berfungsi memainkan peranan dalam membentuk prilaku atau akhlak yang terbit dari dalam ke luar seseorang dan juga ianya sangat penting dalam menentukan seseorang itu baik atau buruk berdasarkan kondisi hati nurani seseorang itu. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Kahf ayat 14 :

وَرَبَطْنَا عَلَى قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَنْ نَدْعُوْ مِنْ دُونِهِ إِلَّا هُنَّ لَفْدَ قَنْدَا^{إِذَا شَطَطَ}

Maksudnya; “Kami telah meneguhkan hati mereka di waktu mereka berdiri lalu mereka berkata: “Tuhan kami adalah Tuhan langit dan bumi; kami sekali-kali tidak menyeru Tuhan selain Dia, sesungguhnya kami kalau demikian telah mengucapkan perkataan yang amat jauh dari kebenaran”.

Pembangunan insan akan runtuh bergantung atas batu-bata hati yang dibangunkan, jika ia disusun dan dibina dengan kukuh maka hasil binaannya akan menjadi kukuh, sebagaimana yang disabda oleh Rasulullah s.a.w riwayat Bukhari yang bermaksud: “Ketahuilah, sesungguhnya dalam jasad terdapat “segumpal daging”, apabila dia baik maka jasad tersebut akan menjadi baik, dan sebaliknya apabila dia buruk maka jasad tersebut akan menjadi buruk pada keseluruhannya, Ketahuilah segumpal daging tersebut adalah “al-Qalb” iaitu hati ”.

Kepentingan keberadaan hati adalah penyebab utama diturunkan taklif kepada manusia melalui inspirasi ilahiyyah, hati yang juga tempat tilik Allah s.w.t sama ada ianya hidup dengan cahaya sama ada cahaya itu hidup terang atau mati gelap tanpa hidayah. Sehingga berat ringan timbangan pahala amal ibadah seseorang dilihat pada hal ehwal hatinya, sabda Nabi s.a.w dalam riwayat Muslim:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْتَرِ إِلَى صُورَكُمْ وَأَجْسَامِكُمْ وَلَكِنْ يَنْتَرِ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah tidak melihat tubuh badan dan rupa paras kamu, tetapi Allah melihat hati kamu dan amalan kamu .”

Menurut syariat Islam, syarat utama sah sesuatu amalan seseorang manusia ialah Islam. Orang kafir tidak sah amalannya kerana terdapat unsur syirik di dalam hati, menurut al-Quran, hati yang baik ialah hati yang sihat (*Qalbun salim*), lawannya hati yang berpenyakit (*Qalbun maridh*). Hati yang lembut, lawannya hati yang keras (*qaswah*), hati yang sedar (*yaqazah*) lawannya hati yang lalai (*ghaflah*). Hatinya yang hidup, lawannya hati yang mati. Hati yang celik lawannya hati yang buta. Keadaan hati yang sangat lemah dan nafsu yang begitu kuat yang mudah mengalahkan dan menakluki hati, bermakna hati mudah diserang berbagai penyakit. Menurut Imam al-Ghazali bila hati seseorang itu tidak dapat digunakan untuk melaksanakan kerja atau tugasnya yang ditentukan oleh Allah s.w.t iaitu untuk menerima ilmu, hikmah, *ma'rifah*, kasih kepada Allah, beribadat, rasa lazat berzikir mengingatinya, mengutamakan Allah dan sebagainya, maka bermakna hati tersebut telah sakit. Tangan bila tidak dapat mengambil atau mengangkat sesuatu bermakna tangan itu sakit. Bila seseorang mempunyai sesuatu benda, seperti harta atau apa sahaja, lalu benda

tersebut lebih dicintai dari cintanya kepada Allah bererti hati tersebut sakit (Al-Zabidi, *Ittihaf Al-Sadah Al-Muttaqin*.J.7.H:346).

Oleh itu, hati dijadikan hanyalah untuk Allah, maka bila ada sesuatu yang lain dari Allah dalam hati bermakna hati itu berpenyakit. Hati yang sihat dan sejahtera ialah hati yang ada di dalamnya ada Allah s.w.t sahaja sebagaimana firman Allah dalam surah al-Syu`ara` ayat 89:

إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقُلْبٍ سَلِيمٍ

Bermaksud: “Kecuali orang-orang yang menghadap Allah dengan hati yang sejahtera (bersih)”.

Hati yang tidak sejahtera ialah hati yang berpenyakit, untuk mengislahkannya memerlukan bimbingan yang khusus terpimpin dari tangan para ulama dan guru yang mursyid, agar mudah ia menjalani proses pembentukan hati yang sempurna, sebagaimana yang diterangkan jelas menunjukkan bahawa ada penghalang kepada pembangunan hati ialah penyakit-penyakit hati yang sangat sukar diketahui kerana ianya berselindung disebalik kebaikan. Dosa-dosa kecil yang menjadi salah satu punca penyakit hati yang terselindung disebalik kebaikan. Kesedaran terhadap penyakit-penyakit tersebut hanya dapat dilihat oleh pandangan hati yang *yaqazah* sedar dan hidup lebih kuat dan terang cahaya keimanan dan ketaqwaan barulah akan kelihatan dosa-dosa tersebut.

Adalah menjadi kewajipan bagi setiap muslim yang mukmin berusaha untuk membangunkan hati dengan sentiasa menjaga hati serta merawat hatinya. Menurut Imam al-Ghazali (w.505H) manusia yang waras adalah kalangan yang menjaga dan memperbaiki hatinya setiap masa, supaya memainkan peranan yang baik ke arah mengendali diri. Sehingga mampu menjadi sempurna demi kebahagiaan dunia dan akhirat. Hati juga merupakan anggota yang paling merbahaya dan memberi kesan yang banyak terhadap permasalahan yang amat sukar untuk diperbaiki semula setelah menampakkan tanda-tanda sakit dan mati hati, sebab itu Imam al-Ghazali (al-Ghazali.1985) menggariskan beberapa asas sebagai panduan mengurus, menjaga serta mengubati hati :

Pertama: Menyedari dan menginsafi bahawa Allah mengetahui setiap gerak kerja manusia. Maksudnya firman Allah s.w.t dalam surah al-Ghafir ayat 19: “Allah mengetahui segala pengkhianatan yang bermula dari hati dan apa yang tersembunyi di dada setiap hamba.”. Pengajaran dari ayat ini bahawa pengetahuan Allah meliputi setiap perilaku hamba sama ada zahir atau batin, maka ingatlah bahawa Allah akan menilai setiap rahsia yang terdetik di dada hambaNya. Mafhum firman Allah s.w.t dalam surah al-Maidah pada akhir ayat 7 menegaskan bahawa Dia Allah mengetahui akan isihat yang tersemat di dada hambaNya. Peringatan itu Allah s.w.t berikan kerana manusia sering melakukan gerak-geri mengikut hawa nafsu dan kehendak hati yang amat sukar untuk dihindarkan dan Allah mengetahui zahir dan batin yang terdapat dalam hati kemudian menggerakkan segala perilaku. Imam al-Ghazali telah memberi satu pesanan dengan katanya: “Lihat olehmu akan apa yang kamu mengetahui dari segala kerja hatimu” (al-Ghazali 1985:88). Pada hakikatnya manusia diwajibkan menggunakan hati sebagai platform untuk melakukan sesuatu amalan.

Kedua : Berpandukan kepada apa yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. mengenai tempat Allah s.w.t nilai akan amal ibadah seseorang, Allah s.w.t tidak melihat kepada rupa paras kamu dan tidak kepada jasad kamu, dan sesungguhnya Allah tetap melihat kepada hati kamu

dan segala amalan yang kamu lakukan. ini menunjukkan bahawa hati merupakan tempat utama yang difokus oleh Allah s.w.t, tetapi alangkah pelik dan hairan pada mereka yang memberi tumpuan pada muka, tubuh badan dan rupa paras sahaja. Anggota jasad terlalu diberi keutamaan oleh manusia dihias dengan pakaian yang cantik dan mahal serta di make up secantik yang boleh, untuk tuntutan luaran sahaja dengan tujuan supaya orang lain tidak memandang hina padanya, maka itulah ukuran kemuliaan seseorang di dunia ini mengikut pada pandangan zahir sebagai tuntutan lahiriah semata-mata, sedangkan rohaninya amat jijik bagi Allah untuk menilainya (Abd. Rahman al-Sulma 1987:10).

Ketiga: Hati sebagai raja atau ketua kepada anggota, di mana anggota-anggota lain adalah ikutan kepada hati, jika elok isi hati maka eloklah pendiriannya serta tingkah laku anggota lain. Semuanya tumbuh, membesar, berputik dan berbuah di hati sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w dalam hadis di atas. Apabila hati sudah terpelihara, mudahlah untuk mengawasi dan memimpin anggota-anggota lain ke jalan kebaikan dan menentang dorongan-dorongan nafsu jahat, ajakan-ajakan syaitan yang cuba menipu-daya manusia.

6. TEORI PEMBANGUNAN HATI MENURUT AL-SYAYKH IBN ‘ATA’ ALLAH AL-SAKANDARIY

Hati yang sentiasa dekat kepada Allah ialah hati yang hidup bercahaya dalam nur keimanan dan ketaqwaan kepada Allah s.w.t dengan melalui aktiviti melazimi hatinya berzikir secara terus menerus *istiqamah* tenggelam dalam mengingati Allah s.w.t akan dikurnia cahaya kesedaran hati, maka dengan berbekalkan cahaya tersebut akan melimpah manfaatnya kepada dirinya serta sekalian manusia, manakala sebaliknya, hati yang diselaputi berbagai kegelapan, tidak akan dapat memberi manfaat kepada sesiapa pun, melainkan ia tetap kekal di dalam kegelapan. Firman Allah s.w.t dalam surah al-An`am pada ayat 122:

أَوْمَنْ كَانَ مَيْنَأْ فَاحْيِنَأْ وَجَعْلَنَا لَهُ نُورًا يَمْشِي بِهِ فِي الظُّلُمَاتِ لَيْسَ بِخَارَجٍ مِّنْهَا

Maksudnya : "Dan adakah orang yang (hatinya) mati, kemudian Kami hidupkan, dan Kami jadikan baginya cahaya (hidayah) yang menerangi (sehingga dapatlah ia membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan dapatlah) menyampaikan kebenaran itu kepada masyarakat manusia, (adakah orang yang demikian keadaannya) sama seperti orang yang (hatinya tetap mati) berada dalam berbagai kegelapan, yang tidak dapat keluar sama sekali daripada nya?".

Berdasarkan firman Allah s.w.t di atas dapat difahami tentang kepentingan peranan hati dalam proses pembentukan hati insan. Persoalannya, bagaimanakah cara untuk menghidupkan hati? Menurut teori hikmah Al-Syaykh Ibn `Ata` Allah al-Sakandariy ada menjelaskan kaedah untuk menghidupkan hati. Beliau menegaskan bahawa selagi pengaruh nafsu *haiwaniyah* yang terdapat dalam diri manusia tidak dibersihkan terlebih dahulu maka pembangunan hati tidak akan tercapai. Oleh itu beliau memberikan panduan untuk mengatasinya: (ibn Ajibah:327-328. Al-Hikam (202):71):

لَا يَخْرُجُ الشَّهْوَةُ مِنَ الْقَلْبِ إِلَّا خَوْفٌ مِّنْ مَزْعِجٍ أَوْ شَوْقٌ مَّقْلُقٌ

Maksudnya: "Tiada yang boleh mengeluarkan syahwat dari hati kecuali dari rasa takut yang menggetarkan atau rasa rindu yang mengelisahkan".

Diringkaskan dengan dua cara yang perlu diterapkan di dalam hati:

- i. Rasa takut akan Allah s.w.t yang sebenar sehingga menimbulkan rasa gerun.
- ii. Rasa kasih dan rindu kepada Allah s.w.t yang sentiasa membimbangkan hati.

Teori beliau tersebut sangat menepati dengan kehendak dan maksud ayat 23 surah al-Zumar. Allah swt berfirman:

تَقْسِيرُ مِنْهُ جُلُودُ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ ثُمَّ تَلَيْنُ جُلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ

Maksudnya: “Gementar kerananya (mendengar bacaan ayat al-Quran) kulit-kulit (anggota) orang yang takutkan (kebesaran) Tuhanya Allah, kemudian menjadi tenang kulit-kulit (anggota) dan hati mereka ketika mereka mengingati (kesempurnaan) Allah”.

Hati yang takutkan Allah s.w.t dan rindukannya adalah hati yang pernah sampai kepada hakikat dan *makrifatullah* yang sebenar, tanpa sampai kepada hakikat dan *makrifatullah* tidak akan timbul rasa takut dan rindu kepada Allah seperti itu. Al-Syaykh Ibn `Ata` Allah al-Sakandariy ada menyatakan melalui teori hikmahnya tentang dua penghalang besar atau hijab yang menghalang hati untuk sampai kepada hakikat dan *makrifatullah* ialah berpunca dari berbagai maksiat dan sifat (*ghaflah*) lalai dari mengingati Allah. Sebagaimana teorinya Hikmahnya (al-Hikam (35) :18).

أَصْلُ كُلِّ مُعْصِيَةٍ وَغَفْلَةٍ وَشَهْوَةٍ الرِّضَا عَنِ النَّفْسِ وَأَصْلُ كُلِّ طَاعَةٍ وَيَقْظَةٍ وَعَفَةٍ دُمُّ الرِّضَا مِنْكَ عَنْهَا

Maksudnya: “Pangkal segala maksiat, kelalaian dan syahwat adalah memperturutkan hawa nafsu. Sedangkan pangkal segala ketaatan, kewaspadaan dan kesucian diri adalah ketidakringinan anda memperturutkan hawa nafsu”.

Maka jalan untuk menghapuskan dua hijab tersebut ialah dengan cara terus menerus bertaubat dan berzikir dengan dilakukan secara terpimpin oleh guru atau syeikh. Teori hikmah Al-Syaykh Ibn `Ata` Allah al-Sakandariy berikutnya ada menyatakan mengenai konsep zikir atau mengingati Allah serta peranannya. (ibn Ajibah:103, al-Hikam (47): 24):
”لَا تَرْكَ الذِّكْرَ لِعَدْمِ حَضُورِكَ مَعَ اللَّهِ فِيهِ، لَا إِنْ غَلَنَكَ مِنْ وَجْهِ ذِكْرِهِ أَشَدُ مِنْ غَلَانَكَ فِي وَجْهِ ذِكْرِهِ، فَعُسَى أَنْ يَرْفَعَكَ مِنْ ذِكْرِهِ مَعَ وَجْهِ غَفْلَةٍ إِلَى ذِكْرِهِ مَعَ وَجْهِ يَقْظَةٍ، وَمَنْ ذِكْرَهُ مَعَ وَجْهِ يَقْظَةٍ إِلَى ذِكْرِهِ مَعَ وَجْهِ حَضُورٍ، وَمَنْ ذِكْرَهُ مَعَ وَجْهِ حَضُورٍ إِلَى ذِكْرِهِ مَعَ وَجْهِ غَيْبَةٍ عَمَّا سُوِّيَ الْمَذْكُورُ، وَمَا ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ بِعَزِيزٍ.”

Maksudnya: “Janganlah engkau tinggalkan zikir hanya kerana gagal menghadirkan hati bersama Allah ketika berzikir, kerana lalai daripada berzikir berlebih bahaya daripada lalai ketika berzikir. Mudah-mudahan (kerana sebab itu) Allah akan mengangkat darjatmu daripada berzikir yang lalai kepada zikir yang sedar, dan dari zikir penuh kesedaran kepada zikir hudur (kehadiran hati mengingati Allah), dan dari zikir hudur menuju zikir meniadakan segala selain Allah. “..dan yang demikian itu bagi Allah tidaklah sukar”(surah Ibrahim:20)”.

Berdasarkan teori al-Syaykh Ibn `Ata` Allah al-Sakandariy di atas, beliau telah mengemukakan suatu teori untuk membangunkan hati. Menurut beliau dengan berzikrullah hati akan dapat dibangunkan melalui empat tahap atau tingkatan:

- i. Zikir *Ghaflah* (Hati lalai)
- ii. Zikir *Yaqazah* (Hati sedar)
- iii. Zikir *Hudur* (Hati sentiasa rasa ingat Allah)
- iv. Zikir *Ghaybah* (Hati rasa wujud hanya Allah sahaja)

Tingkatannya zikir selari tingkatan hati dan juga selari tingkatan ilmu dan kefahaman seseorang misalnya zikir *ghaflah* “hati lalai” adalah zikir orang awam yang menyebut nama Allah hanya pada lidah sahaja, setelah zikir tersebut dilakukan secara terus menerus, maka

zikir tersebut ditingkatkan kepada zikir *yaqazah* “hati sedar” adalah zikir seorang salik yang sudah mula menyebut nama Allah dengan lidah beserta hati, setelah usaha zikirnya diteruskan secara istiqamah zikirnya ditingkatkan kepada zikir *hudur* “hati rasa ingat Allah” adalah tingkatan zikir seorang *khawwas* yang sudah mula menyebut nama Allah dengan lidah, hati beserta roh, setelah usaha istiqamah terus menerus berzikir ditingkatkan zikir kepada zikir *ghaybah* “hati rasa wujud hanya Allah sahaja” adalah tingkatan zikir seorang ahli kamal *khawas al-khawas* yang sudah menyebut nama Allah dengan lidah, hati, roh dan sirnya, maka orang yang berzikir akan difana’kan oleh Allah dalam mana-mana rahsia sifatNya atau mana-mana perbuatanNya. ketika inilah Allah sampaikan hakikat dan makrifatnya kepada orang tersebut.

Maka jelaslah bahawa bermula hati itu dibentuk dan dibangunkan ialah dengan dimulai usaha zikir mengingati Allah sehingga terbentuk menjadi golongan *Ulul Albab* yang telah dibangunkan oleh Allah akan akal dan hatinya menjadi golongan yang berzikir dan berfikir sambil bertafakkur tentang kebesaran dan keagungan Allah dalam ruang ingatan dan hatinya. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Imran 190-191:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخِذِلَفِ الْلَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَاءِ ابْيَتٍ لَا وَلِيَ الْأَلْبَابُ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قَيْمًا وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِهِمْ وَيَتَقَرَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا حَفَّتْ هَذَا بَطِلًا سُبْحَنَكَ فَقَنَا عَذَابَ النَّارِ

Maksudnya: “Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi golongan ulu al-albab. Mereka ialah golongan yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): “Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari siksa neraka”

Oleh itu, sangat sesuai golongan ulul albab (mereka dikalangan para sahabat nabi dijadikan contoh tauladan bagi model pembangunan hati insan. Sehingga Nabi s.a.w mengiktiraf para sahabatnya itu seperti bintang yang terbaik buat panduan ummatnya utk diikuti setelah ketiadaan baginda s.a.w. Sebagaimana firman Allah s.w.t menerangkan keadaan ciri-ciri hati golongan *ulul albab* yang telah dibangunkan dengan mendapat limpahan hidayah oleh Allah menerusi surah al-Zumar ayat 17-18:

فَبَشِّرْ عِبَادَ. الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ الْقُوْلَ فَيَتَبَعُّونَ أَحْسَنَهُ ۝ أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَنَاهُمُ اللَّهُ ۝ وَأُولَئِكَ هُمْ أَوْلُوا الْأَلْبَابِ

Maksudnya: “..Dan sampaikanlah berita yang menggembirakan para hambaKu, iaitu mereka yang mendengar perkataan (daripada ajaran al-Quran) lalu mereka kerjakan sebaik-baiknya. Mereka itulah orang-orang yang telah diberi hidayah oleh Allah dan mereka itulah golongan ulul albab”

Selain itu, al-Syaykh Ibn ‘Ata` Allah al-Sakandariy turut memberi pendedahan tentang hubungan zikrullah dan cahaya (*nur al-waridat*) yang membantu hati seseorang itu mendapat hidayah Allah daripada ia terkesan dari sebarang pengaruh makhluk. Apabila hati terbebas dari pengaruh makhluk, maka hati akan mampu dibangunkan.

Menurut Al-Syaykh Ibn ‘Ata’ Allah Al-Sakandariy lagi dalam teori hikmahnya yang menerangkan proses pembangunan hati akan terbantut jika hati tidak dapat berperanan dengan sebaiknya dalam melawan pelbagai halangan nafsu, bahawa kedua-dua pihak, hati dan nafsu yang sentiasa berperang dan mempunyai tentera masing-masing. Tentera hati ialah mewakili berbagai cahaya dan tentera nafsu ialah mewakili berbagai kegelapan (al-Hikam (56):26) :

النور جند القلب كما أن الظلمة جند النفس. فإذا أراد الله أن ينصر عبده أمنه بجنود الأنوار وقطع عنه مدد الظلم والأغيار.

Maksudnya: “Cahaya itu tentera bagi hati, sebagaimana kegelapan itu tentera bagi nafsu. Apabila Allah mahu memenangkan seseorang hambanya, maka dia akan memberikan bantuan tentera dari berbagai cahaya dan dihalang terus kedatangan berbagai kegelapan dan pengaruh makhluk”.

Allah s.w.t berfirman dalam surah al-Baqarah 257:

اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ ءامَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلْمَةِ إِلَى النُّورِ ۖ وَالَّذِينَ كَفَرُوا أُولَئِنَّا هُمُ الظَّاغُونُ يُخْرِجُونَهُم مِّنَ النُّورِ إِلَى الظُّلْمَةِ

Bermaksud: “Allah adalah pelindung orang-orang yang beriman, yang mengeluarkan mereka dari berbagai kegelapan kepada cahaya (hidayahNya) dan orang-orang kafir pelindung mereka adalah taghut (sembahan mereka yang lain dari Allah) yang mengeluarkan mereka dari cahaya kepada berbagai kegelapan.”

Tegas beliau lagi tentang peranan Nur ilahiyyah (cahaya hidayah) yang Allah kurniakan ke dalam hati seseorang itu adalah seumpama kenderaan dan tunggangan (ibn Ajibah.112. al-Hikam (55): 26) :

الأنوار مطابق القلوب والأسرار

Maksudnya: “Pelbagai nur (cahaya ilahiyyah yang Allah waridkan) adalah sebagai kenderaan hati dan Sir”.

Teori hikmah di atas memberi panduan bahawa perjalanan rohani seseorang samalah juga asasnya perjalanan jasmani, jika perjalanan jasmani mahu segera sampai ke destinasi yang dituju mesti menunggang kenderaan. Tanpa kenderaan seperti berjalan kaki tentulah lambat sampai. Jika kenderaan itu laju maka akan segera sampai tempat dituju. Kenderaan rohani adalah hati yang paling laju ialah nur Allah yang dilimpahkan ke dalamnya. Apabila seseorang salik itu dikurniakan Allah nur tersebut bererti zahir dan batinnya dapat dibangunkan sehingga mampu berjalan menuju Allah dengan laju merentasi pelbagai halangan.

Seterusnya al-Syaykh Ibn `Ata` Allah al-Sakandariy telah dapat merumuskan suatu teori tentang Nur al-Waridat (cahaya hidayah) yang jelas kepada tiga peringkat dengan katanya menerusi kitab al-Hikam pada hikmah yang ke 53,54 dan 55:

إِنَّمَا أَوْرَدَ عَلَيْكَ الْوَارِدَ لِتَكُونَ بِهِ عَلَيْهِ وَرَادًا . أَوْرَدَ عَلَيْكَ الْوَارِدَ لِيُسْتَلِمَكَ مِنْ يَدِ الْأَغْيَارِ وَيُحرِّكَ مِنْ رُقِّ الْأَثَارِ . أَوْرَدَ عَلَيْكَ الْوَارِدَ لِيُخْرِجَكَ مِنْ سِجْنِ وَجْدَكَ إِلَى فَضَاءِ شَهْوَدَكَ .

Maksudnya: “Bahawasanya Allah limpahkan warid (cahaya yang khusus iaitu Nur al-Intibah ke dalam hati anda) agar hati anda sentiasa bercahaya dan mampu menerima limpahan rahmat hidayahNya. Allah limpahkan ke dalam hati anda warid (Nur Iqbal/hudur) agar dapat menyelamatkan hati anda daripada pelbagai pengaruh makhluk dan memerdekakannya daripada diperhambakan oleh makhluk. Allah melimpahkan warid (Nur al-Wisol) diruang hatimu, agar nur tersebut dapat mengeluarkan hati anda dari penjara wujud dirimu sendiri kepada luasnya lapangan musyahadah hati terhadap wujud Allah”.

Daripada keterangan di atas dapat disimpulkan bahawa *Nur al-Waridat* yang disebutkan oleh al-Saykh Ibn `Ata` Allah al-Sakandariy dapat dibahagi kepada tiga tahap pembangunan hati menerusi hubungan kait dengan tiga tingkatan hati insan.

- i. *Nur al-Intibah* atau *Nur Yaqazah*: Nur yang dilimpahkan oleh Allah serentak semasa hati dihidupkan. Dengan nur ini maka hati mula berfungsi iaitu sedar dan merasa mengenai sesuatu yang berkait dengan Allah. Sebagai contoh, apabila disebutkan Allah.. maka hatinya sedar tentang Allah serta merasakan wujud-Nya Allah. Orang yang mendapat kurnia ini digelar *salik*.
- ii. *Nur Iqbal* atau *Nur Hudur*: Dengan nur ini hati seseorang akan tertumpu hanya kepada Allah, menjadi hambaNya terlepas dari diperhambakan oleh makhluk. Orang ini digelar *salik* yang *khawas* atau *salik khusus*.
- iii. *Nur al-Wisol*: Dengan nur ini Allah s.w.t kurniakan hakikat dan makrifah, ia menjadikan seorang itu yang `arif berhati ikhlas. Dengan kata lain ia mencapai darjat ihsan serta menjadi seorang muhsin. Ia digelar juga sebagai *salik* yang *khawasul khawas* atau *salik* yang *khusus al-khusus*.

Justeru, Allah s.w.t telah memberi petunjuk syarat atau tanda yang jelas menunjukkan hati dapat dibangunkan ialah hati berasa takut dan gerun terhadap kebesaran Allah sehingga seluruh tubuh badan menggeletar dan berakhir dengan hati tenang sepenuhnya dan seluruh tubuh badan menjadi lembut dan selesa. Sebagaimana yang difirmankan oleh Allah s.w.t dalam surah al-Zumar ayat 23 yang bermaksud: “*Gementar kerananya (mendengar bacaan ayat al-Quran) kulit-kulit (anggota) orang yang takutkan (kebesaran) tuhanNya Allah, kemudian menjadi tenang kulit-kulit (anggota) dan hati mereka ketika mereka mengingati (kesempurnaan) Allah*”.

Oleh itu, rasa gerun terhadap kebesaran Allah dapat dimbangi oleh hati dengan wujudnya rasa kesempurnaan Allah sehingga hati menjadi tenang (*mutmainnah*) kesan dari terus menerus mengingati Allah s.w.t. Bila hati tenang maka berlakulah pembangunan hati dalam membentuk peribadi insan kamil. Benarlah firman Allah s.w.t mengenai hati orang yang beriman dalam surah al-Ra`du ayat 28:

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ ۖ أَلَا يَذْكُرُ اللَّهُ ۖ

Maksudnya :“(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah”. Ketahuilah dengan “zikrullah” itu, tenang (tenteramlah) hati (manusia)”.

7. KESIMPULAN

Demikianlah antara teori pembangunan hati menurut Al-Saykh Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandariy yang dapat dipetik dari beberapa penulisannya tentang peranan hati dalam proses membangunkan hati insan. Tanggungjawab hati sangatlah besar sebagai pemandu untuk mengendalikan diri manusia. Kejahilan manusia mengenali hatinya, merawat dan mengubatinya dengan makanan-makanan rohani, sebagaimana jasad manusia memerlukan makanan berupa kebendaan akan mendatangkan penyakit kepada hati dan mungkin pula mematikannya. Untuk mengelakkan hal sedemikian berlaku perlulah dipelajari dari para pewaris Nabi s.a.w dan diamalkan dengan bersungguh-sungguh sebagai penawar yang dapat menghidup serta membangunkan hati yang mati dengan melakukan amal ibadat dan dapat diterjemahkan dalam kelakuan etika dan akhlak mulia sesama manusia. *Wallahu`lam*.

8. BIBLIOGRAFI

Al-Quran

- Al-Sakandariy, Abu al-Fadl Ahmad ibn Muhammad ibn ‘Abd al-Karim ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandariy. 1992. *Lata’if al-Minan Fi Manaqib al-Syaykh Abi al-‘Abbas al-Mursiy wa Syaykhihi Abial-Hasan al-Syadhiliy*, sunt. al-Syaykh Khalid ‘Abd al-Rahman al-‘Akk, Damsyik: Dar al-Basya’ir.
- Al-Barifkani. 1986. al-Syaykh Nur al-Din ibn Abd al-Jabbar al- Barifkaniy. *Syarh al-Hikam al-‘Ata’iyyah al-Musamma bi Talkhis al-Hikam*. Baghdad.
- Al-Taftazani. Dr. Abu al-Wafa al-Ghunaymi. 1969. *Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandariy wa Tasawwufuhu* , Kaherah: Maktabah al-Anglo Al-Misriyyah.
- Al-ghazali. 1985. Abu Hamid, *Ihya` `ulumuddin*, Lubnan. Dar al-Misriyyah al-lubnaniyah.
- Al-Butiy. 2001. Prof. Dr. Muhammad Sa`id Ramadhan al-Butiy. *al-Hikam al-‘Ata’iyyah : Syarh wa Tahlil*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Al-Zabidi, *Ittihaf Al-Sadah Al-Muttaqin*.J.7.
- Al-Suyutiy. (T.th). *Bughyat al-Wu’ah Fi Tabaqat al-Lughawiyyin wa al-Nuhat*. Kaherah. Maktabah al-Saadah.
- Abdullah Gymnastiar. 2006. *Aa Gym Apa Adanya*. Bandung: Khas MQ.
- Abu Bakar Hamzah. 1972. *Sejarah Kebudayaan Umat Islam*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Ibn Hajar al-‘Asqallaniy, (1329H), *al-Durrar al-Kaminah Fi A‘yan al-Mi’ah al-Thaminah*, Kaherah: (t.p) Jilid 1.
- Ibnu Kathir. 2007. *Tafsir al-Quran al-Azim*. Beirut : Maktabah al-Asriyah.
- Ibn `Ataillah. 2003. Syeikh Taj Al-Din Ahmad ibn ‘Ataillah Al-Sakandari. *Al-Hikam Al-‘Ataiyyah*. Darul Salam. Kaherah. Cetakan Ketiga.
- Ibn ‘Ajibah. 2005. Ahmad ibn Muhammad ibn `Ajibah al-Husainiy. *Iqaz Al-Hamam Fi Syarh Al-Hikam*. Darul Khair. Beirut.
- Ismail Hamid. 1983, *Peradaban Melayu dan Islam*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Khalaf Allah. Ahmad `Izz al-Din Abd Allah. (t.th). *al-Hikam li Ibni ‘Ata’ Allah al-Sakandariy, Aqwa Dustur Tarbawiy Fi al-Qarn al-Sabi‘ al-Hijriy*. Kaherah: al-Maktabah al-azhariyyah li al-Turath.
- Kamus Dewan dan Pustaka. 2005. Kuala Lumpur: DBP
- Mubarok Ahmad. 2001. *Psikologi Qurani*. Jakarta : Pustaka Firdaus.
- Mustafa Hajji Daud. 1998. *Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Ismail al-Bukhari. 1987. *al-Jami` al-Sahih al-Mukhtasar*. Beirut: Dar Ibn Kathir, J. 5.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. 1976. *Peradaban Islam*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Schwartz GER, Russek, LGS. 1999. *The Living Energy Universe*. Charlottesville, VA: Hampton Roads Publishing.
- Teuku Iskandar (1970), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Victor Dancer. 1999. *Mistikisme Ibnu ‘Atha’illah: Wacana Sufistik Kajian Kitab al-Hikam*. Surabaya. Risalah Gusti.